



SIARAN AKHBAR

PELAKSANAAN BRUNEI AUTOMATED CLEARING HOUSE 13 Sya'ban 1437 bersamaan dengan 20 Mei 2016

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), selaras dengan Perintah AMBD, 2010 dan 2015, bertanggungjawab untuk membantu dalam perlaksanaan dan operasi sistem pembayaran yang cekap, dan penyeliaannya.
2. Selaras dengan objektif ini, fasa pertama Projek Sistem Pembayaran dan Penyelesaian Kebangsaan (NPSS) telah mula beroperasi pada bulan November 2014 dengan pelaksanaan Sistem *Brunei Real Time Gross Settlement System* (Brunei RTGS). Sistem ini merupakan sistem pembayaran elektronik antara bank-bank yang pertama di Negara Brunei Darussalam.
3. Fasa kedua Projek NPSS akan melibatkan perlaksanaan *Brunei Automated Clearing House* (BACH). Sistem BACH ini akan membolehkan pembayaran elektronik runcit (*electronic retail payments*) antara bank-bank, dan penjelasan elektronik secara *bulk* (*bulk electronic clearing*). Perlaksanaan ini juga akan menggalakkan lebih banyak kaedah pembayaran elektronik yang inovatif di Negara Brunei Darussalam.
4. Sistem BACH ini dijangka akan dilaksanakan sebelum akhir bulan Mei 2016, bermula dengan pemprosesan cheque.
5. Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh memuat turun AMBD App secara percuma melalui 'App Store' bagi pengguna iPhone dan 'Google Playstore' bagi pengguna Android; atau melayari laman web AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Date : 13 Sya'ban 1437 / 20 Mei 2016

Ref : AMBD/COMMS/2016/3